



NEGERI MELAKA

Warta Kerajaan

DITERBITKAN DENGAN KUASA

GOVERNMENT OF MALACCA GAZETTE

PUBLISHED BY AUTHORITY

Jil. 65
No. 5

4hb Mac 2021

*TAMBAHAN No. 2
PERUNDANGAN*

M. P.U. 8.

ENAKMEN PENTADBIRAN AGAMA ISLAM
(NEGERI MELAKA) 2002

FATWA DI BAWAH SEKSYEN 36

ADMINISTRATION OF THE RELIGION OF ISLAM
(STATE OF MALACCA) ENACTMENT 2002

FATWA UNDER SECTION 36

FATWA yang dinyatakan dalam Jadual telah disediakan oleh Jawatankuasa Fatwa di bawah Seksyen 35 Enakmen Pentadbiran Agama Islam (Negeri Melaka) 2002 [*En. No. 7 tahun 2002*] dan telah dikemukakan kepada Majlis oleh Mufti, bagi pihak dan atas nama Jawatankuasa Fatwa, menurut subseksyen 36(3), dan telah mendapat perkenan Yang di-Pertuan Agong di bawah subseksyen 36(4) bagi penyiaran fatwa itu dalam *Warta* dan telah dimaklumkan kepada Kerajaan Negeri menurut subseksyen 36(6) fatwa itu adalah disiarkan dalam *Warta* di bawah subseksyen itu.

11/03/2021 10:00 AM

The *FATWA* set out in the Schedule was prepared by the *Fatwa* Committee under Section 35 of the Administration of the Religion of Islam (State of Malacca) Enactment 2002 [*En. No. 7 of 2002*] and has been submitted to the *Majlis* by the *Mufti*, on behalf and in the name of the *Fatwa* Committee, pursuant to subsection 36(3), and the Yang di-Pertuan Agong has given his assent under subsection 36(4) for the publication of the *fatwa* in the *Gazette* and the State Government has been informed of the *fatwa* pursuant to subsection 36(6) and the *fatwa* is published the *Gazette* under that subsection.

JADUAL

**PENYELEWENGAN UPACARA DAN AMALAN PERBOMOCHAN IBRAHIM
BIN MAT ZIN**

- (1) Upacara dan amalan perbomohan Ibrahim bin Mat Zin untuk apa-apa tujuan dengan menggunakan atau tidak menggunakan apa-apa objek adalah menyeleweng dan berlawanan dengan ajaran Islam menurut pegangan akidah Ahli Sunnah Wal Jamaah.
- (2) Oleh yang demikian, mana-mana orang Islam atau kumpulan orang Islam adalah dilarang:
 - (a) Menganut, mengamal, menjadi ahli, menjadi pengikut, mengisytiharkan diri sebagai ahli, mengisytiharkan diri sebagai pengikut perbomohan tersebut; atau
 - (b) memiliki, menyimpan, mencetak, menerbit, memuat naik, memuat turun, menjual, mengedar atau menggunakan apa-apa terbitan, risalah, majalah, buku, media sosial, dokumen, rakaman audio, filem, amalan atau upacara perbomohan tersebut; atau
 - (c) mengajar, menyebarkan, menghidup, membantu, menganjur, mempromosi upacara atau amalan perbomohan tersebut, menghadiri apa-apa upacara yang dikaitkan dengan amalan perbomohan tersebut atau menyokong apa-apa aktiviti perbomohan tersebut sama ada secara langsung atau tidak langsung.
- (3) Mana-mana orang Islam adalah dilarang bersubahat daripada melakukan mana-mana perkara yang dinyatakan dalam perenggan (2).
- (4) Mana-mana orang Islam atau kumpulan orang Islam yang telah melibatkan diri dengan upacara dan amalan perbomohan Ibrahim bin Mat Zin sebagaimana yang dinyatakan dalam perenggan (2) hendaklah bertaubat kepada Allah SWT.

- (5) Mana-mana orang Islam yang melakukan apa juga aktiviti yang berkaitan dengan upacara dan amalan perbomohan Ibrahim bin Mat Zin adalah melakukan kesalahan dan boleh diambil tindakan di bawah undang-undang yang berkuat kuasa di Negeri Melaka.

Bertarikh 6 Januari 2021

Dated 6 January 2021

[JMM/BFB(S)/600-1/9/1-21; PUNM. 700-02/37 Jilid 4]

DATUK SERI UTAMA HJ. SULAIMAN BIN MD ALI
Pengerusi/Chairman
Majlis Agama Islam
Melaka

Hakcipta Pencetak (H)

PERCETAKAN NASIONAL MALAYSIA BERHAD

Semua Hak Terpelihara. Tiada mana-mana bahagian jua daripada penerbitan ini boleh diterbitkan semula atau disimpan di dalam bentuk yang boleh diperolehi semula atau disiarkan dalam sebarang bentuk dengan apa jua cara elektronik, mekanikal, fotokopi, rakaman dan/ atau sebaliknya tanpa mendapat izin daripada Percetakan Nasional Malaysia Berhad (Pencetak kepada Kerajaan Malaysia yang dilantik).



DICETAK OLEH
PERCETAKAN NASIONAL MALAYSIA BERHAD,
KUALA LUMPUR
BAGI PIHAK DAN DENGAN PERINTAH KERAJAAN MALAYSIA